

**Putin arah pasukan khas Rusia rampas MH370, kata pakar**  
**The Malaysian Insider**  
**Feb 25, 2015**

Menjelang ulang tahun pertama kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370 yang membawa 239 orang termasuk 12 anak kapal, satu lagi teori konspirasi muncul mengatakan Boeing 777-200 ER itu dirampas mengikut arahan Presiden Rusia Vladimir Putin dan mendarat secara rahsia di Kazakhstan, kata seorang pakar.

Teori konspirasi terbaru ini mengatakan, selepas memalsukan data sistem pandu arah MH370 supaya ia dilihat seakan-akan menuju ke selatan Lautan Hindi, kumpulan perampas akhirnya mendaratkan pesawat jenis Boeing 777-200 ER itu di Kazakhstan.

Penulis sains rakyat Amerika Syarikat (AS), Jeff Wise, yang juga terbabit dalam liputan siaran televisyen CNN mengenai MH370 sebelum ini berkata, data "ping" atau isyarat berbalas antara pesawat dan satelit Inmarsat itu selama ini "dipalsukan".

Beliau berkata, data dirakam satelit telekomunikasi milik syarikat British itu hanya untuk mengalih tumpuan orang ramai dan misi pencarian, bagi memberi laluan plot rampasan yang diarahkan Putin berjalan lancar.

Menilai keseluruhan "drama" di sebalik misteri kehilangan MH370, Wise menyuarakan keyakinan MH370 sebaliknya berada di Baikonur Cosmodrome, iaitu tapak pelancaran roket terbesar di dunia yang terletak kira-kira 200 kilometer di timur Laut Aral, Kazakhstan.

"Tujuh jam sudah memadai untuk kumpulan perampas melaksanakan rancangannya kerana tumpuan pasukan pencarian ketika itu berada di Laut China Selatan, sebelum akhirnya beralih ke Lautan Hindi.

"Perkara pelik di sebalik rampasan ini ialah apa motif sebenar Putin untuk 'mencuri' sebuah pesawat sarat dengan penumpang.

"Meskipun boleh dikatakan tidak masuk akal, Rusia cukup terkenal dengan pelbagai operasi khas yang akhirnya mempunyai tujuan tertentu," katanya seperti dilaporkan portal berita Daily Mail, semalam.

Mengulas lanjut, Wise menjangkakan tindakan Putin adalah semata-mata untuk menunjukkan "taring" Rusia, khususnya merancang serangan balas terhadap negara Barat pada bila-bila masa.

Rampasan yang didakwa didalangi Rusia itu, katanya antara lain reaksi balas Putin terhadap sekatan pertama yang dikenakan terhadap negara itu pada 7 Mac tahun lalu iaitu sehari sebelum MH370 dilaporkan hilang.

"Ada pelbagai kemungkinan termasuk pesawat ini akan dipenuhi dengan muatan bahan letupan satu hari nanti untuk dilancarkan terhadap musuh Rusia sebagai

serangan balas.

"Mungkin juga ada individu di dalam pesawat itu yang mempunyai kepentingan kepada Rusia," katanya. – 25 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/putin-arrah-pasukan-khas-rusia-rampas-mh370-kata-pakar>